



SIARAN AKHBAR

BILIF MENDERMA LEBIH DARIPADA 10,000 SUNGKUP MUKA KEPADA KOMUNITI

Hari Selasa, 20 Rabiulakhir 1442H bersamaan dengan 25 November 2021

1. Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF), dengan kerjasama Projek Bina Ukhwah (PBU), baru-baru ini menyumbangkan lebih daripada 10,000 sungkup muka untuk membantu komuniti dalam menangani penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada masa ini. Majlis penyampaian sumbangan berlangsung di BILIF, Bangunan Institute of Leadership, Innovation and Advancement (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD), pada 25 November 2021.
2. Sumbangan derma BILIF telah diserahkan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat, Penolong Pengarah Urusan (Perkembangan Korporat), Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF kepada Mohammad Riwandy bin Ramli, Pengurus Projek and Siti Jalwatul Munawwarah binti Mohd Norsham, Penolong Pengurus Projek, PBU. Sumbangan ini akan diagihkan oleh PBU kepada beberapa pasukan sukarelawan dan kecemasan, pusat Hotline, Kurantin dan Vaksinasi dan perkerja asing.
3. Sumbangan derma ini adalah sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) BILIF ke arah membantu dan memberi kembali kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam semasa pandemik COVID-19 ini. Sumbangan ini juga adalah tanda penghargaan BILIF kepada petugas barisan hadapan, sukarelawan dan pekerja asing atas komitmen mereka dalam masa yang sukar ini.
4. Ditubuhkan pada tahun 2010, BILIF, yang sebelum ini dikenali sebagai Centre For Islamic Banking, Finance And Management (CIBFM), merupakan sebuah institusi latihan di bawah bidang kuasa BDCB. BILIF menawarkan program pembelajaran dan latihan berkualiti tinggi serta menganjurkan seminar *signature* dan acara kolaborasi dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan. Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati di laman web BILIF di www.bilif.com.bn, akaun Facebook BILIF, Bilif.bn atau akaun Instagram BILIF, @BILIF.bn.

DATE: 20 RABIULAKHIR 1442/ 25 NOVEMBER 2021

REF: BILIF/33